

# Teruskan perjuangan

011 21 1031 2022

KUALA LUMPUR, Jumaat – Hari kedua Perhimpunan Agung Umno hari ini menyaksikan semua pembahas menyokong dan menyuarakan kepercayaan penuh terhadap kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk meneruskan perjuangan meningkatkan martabat bangsa Melayu.

Malah, Presiden Umno itu diiktiraf sebagai pejuang bangsa Melayu apabila semua perwakilan bangun sejenak untuk memberi penghormatan dan disertai tepukan gemuruh.

Sokongan padu itu diberi sebaik wakil Kedah, Datuk Badruddin Amirudin mengajak semua perwakilan

bangun sebagai tanda penghormatan dan ikrar untuk terus bersama Perdana Menteri dalam memperjuangkan bangsa Melayu.

“Kalau tuan-tuan sudi pada pagi Jumaat ini kita pakat bangun beri penghormatan kepada Yang Amat Berhormat.

“Datuk Seri Presiden, Rasulullah berjuang walaupun macam-macam orang buat dekat dia (Rasulullah), dia sabar Insya-Allah akhirnya dia berjaya,” katanya sambil menyatakan harapan supaya Dr Mahathir tidak mudah kecewa dalam memperjuangkan nasib bangsa Melayu.

Badruddin juga meminta anggota

Majlis Tertinggi, Pemuda, Wanita dan Puteri Umno serta semua anggota parti mempertahankan Dr Mahathir apabila pihak pembangkang membuat serangan terhadap beliau.

“Bila orang serang Dr Mahathir jangan tunggu Dr Mahathir jawab,” katanya ketika membahaskan ucapan dasar Presiden. Usul terima kasih ucapan dasar Presiden Umno itu yang bertema “Mendedah Yang Terbuka”, diluluskan sebulat suara petang ini.

Usul itu yang dibentangkan semalam, dibahaskan 17 perwakilan termasuk wakil Puteri Umno, entiti baru parti yang disahkan semalam.

Dalam ucapannya semalam, Dr Mahathir antara lain menyentuh mengenai masa depan bangsa Melayu yang belum selamat dan perpecahan di kalangan mereka.

Perdana Menteri turut menjelaskan mengenai kedudukan Malaysia sebagai negara Islam serta menyuarakan kebimbangannya mengenai kesan buruk perceraian keluarga yang banyak berlaku di kalangan orang Melayu.

Badruddin ketika membahaskan usul itu, mengingatkan bahawa Presiden parti mahu orang Melayu bersatu,

**LIHAT MUKA 6**

- **Pemuda syor tubuh tabung pendidikan** -
- **Profesional Melayu patut terajui badan korporat** -
- **'Jangan perlekeh Umno Kelantan'** -
- **Bahagian, cawang Puteri Umno dipilih Julai** -

# 'Umno tidak akan khianati orang Melayu'

## DARI MUKA 1

menjadi bangsa berma-ruah, bangsa berdikari dan berani menghadapi sebarang cabaran.

"Kita harus berani menghadapi apa saja cabaran yang berlaku demi anak bangsa dan demi sumpahan datuk nenek kita apabila menuntut kemerdekaan satu ketika dulu.

"Jangan sampai anak cucu kita pada masa akan datang memaki hamun kita kerana tidak amanah dan tidak bertanggungjawab untuk meneruskan genggamannya kemerdekaan dalam tangan kita," katanya.

Wakil Kelantan, Datuk Ibrahim Ali, juga meminta orang Melayu dan anggota Umno terus memberi keyakinan terhadap kemampuan kepemimpinan Umno dan kerajaan dalam mem-

pertahankan hak orang Melayu.

Beliau berkata kepimpinan Umno dan kerajaan tidak akan mengkhianati orang Melayu dan akan tetap terus menjaga kepentingan mereka dan sebarang langkah untuk mempersiapkan orang Melayu menghadapi cabaran hendaklah dilihat secara positif.

Ketika ini, katanya, orang Melayu berpecah belah kerana masalah kecil bukannya isu besar. Inilah yang menyebabkan kekecewaan Perdana Menteri.

"Orang dah banyak berubah, saya pun dah berubah, kalau tidak kerana Datuk Seri, tempat saya at least Kamunting... Sungai Buloh saya tak pergi kerana itu bukan kerja saya. Tak usah kecewa... PM has done the best for us," katanya.

Wakil Pulau Pinang Muhammad Azhar Abdul Wahab pula berkata Dr Mahathir sebenarnya masih belum gagal dalam usahanya untuk mengubah minda orang Melayu.

Katanya, walaupun pada masa ini perubahan yang berlaku pada orang Melayu agak perlahan tetapi perubahan itu tetap ada dan terus berjalan dari semasa ke semasa atas daya usaha Perdana Menteri.

"Kami juga tidak akan membiarkan ia gagal. Aturlah apa-apa strategi, kami akan bertindak bersungguh-sungguh untuk menjadikan impian itu satu kenyataan," katanya.

Wakil Melaka, Hasnol Hussin juga menyokong kepimpinan Dr Mahathir yang disifatkan seorang pemimpin yang berjaya membawa banyak kemajuan kepada Malaysia.

Katanya, Perdana Menteri tidak sepatutnya sedih apabila ada orang Melayu masih tidak berubah sikap kerana kegagalan itu bukan disebabkan ada pemimpin yang tidak menjalankan tugas yang diamanahkan, sebaliknya sikap orang Melayu sendiri yang terlalu bergantung.

Wakil Sabah, Datuk Aklee Abbas pula meminta generasi muda mengimbas semula sejarah perjuangan Umno dan mengkajinya bagi mengelak pengaruh jahat yang cuba merosakkan perjuangan parti dalam memartabatkan bangsa Melayu, agama serta bangsa.

Katanya orang Melayu juga perlu menggunakan sepenuhnya prasarana yang disediakan kerajaan untuk menambah ilmu bagi menghadapi persaingan pada era baru.